

Kerjasama negara ketiga

KAHERAH, Rabu - Kewujudan kerjasama negara ketiga seperti Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) bukan saja masih relevan, malah berkesan dalam mengukuhkan kerjasama Selatan dalam menghadapi tindak tanduk negara maju terutama memabatkan isu globalisasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika sebelum ini banyak negara membangun belum memahami globalisasi dan kesannya terhadap mereka, me-

lalui sidang puncak G-15 serta forum-forum lain, semakin ramai yang tahu.

"Langkah seterusnya kita mahu semakin ramai ketua kerajaan negara anggota menyuarakan pandangan mereka dan kemudian membuat pendirian bersama untuk dikemukakan kepada negara maju," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan demikian pada sesi dialog dengan peserta yang mendengar syarahannya 'Strategi Malaysia dalam

menangani krisis kewangan, kesan globalisasi ke atas negara membangun' di Universiti Kaherah, petang ini.

Hadir sama di majlis anjuran Pusat Pengajian Asia universiti itu ialah Menteri Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Sainifik Mesir, Dr Mofeed M Shehab; Presiden Universiti Kaherah, Dr Nageeb E Gohar; dan Pengarah Pusat Pengajian Asia, Dr Mohammad al Sayed Salim.

Sebahagian besar peserta ialah profesor ekonomi dan politik universiti itu serta pelajar yang membuat pengkhususan dalam pengajian Asia.

Dr Mahathir berkata, sejak ditubuhkan lebih 10 tahun lalu, G-15 berjaya mengukuhkan kerjasama perdagangan dan pelaburan di kalangan negara Selatan termasuk Malaysia sendiri.

Beliau memberikan contoh projek G-15 dilaksanakan Malaysia seperti pang-

relevan, berkesan

kalan data perdagangan negara anggota yang menyediakan pelbagai maklumat mengenai negara anggota untuk memudahkan ahli perniagaan masing-masing mengadakan usaha sama.

Melalui Penyusunan Bayaran Dua Hala (BPA) pula, perdagangan Malaysia dengan negara Selatan meningkat sehingga 400 peratus, manakala semakin banyak negara menggunakan kemudahan itu.

Mengenai imbalan per-

dagangan dengan Mesir yang dikatakan lebih menguntungkan Malaysia, Perdana Menteri berkata, ia berlaku kerana Malaysia mengeksport pelbagai barangan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia, yang banyak mengimport buah-buahan dari Australia, mengkaji kemungkinan mendapatkan bahan itu dari Mesir. Selain itu, Malaysia juga bercadang mengimport bahan lain selain hasil pertanian,

dari negara ini.

Kepada satu saualan lain, Dr Mahathir berkata, berikutan krisis kewangan dua tahun lalu, Malaysia terpaksa membatalkan atau menangguhkan pelaburannya di seberang laut termasuk di negara G-15.

Katanya, dengan keadaan ekonomi Malaysia yang hampir pulih sepenuhnya sekarang, negara mungkin menyambung semula projek pelaburannya di seberang laut.